

Najib bidas pembangkang

Oleh ARSHAD KHAN

UM - 18/3/2007

PEKAN 17 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan minat yang ditunjukkan parti pembangkang untuk bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap di Melaka membuktikan pembangkang tidak konsisten serta cuba mengelirukan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembangkang sentiasa bermain politik bagi menimbulkan satu keadaan yang tidak menentu di negara ini.

"Mereka ini tidak konsisten, kenapa boikot (pilihan raya kecil DUN Batu Talam dan kali ini mereka hendak bertanding (di Machap)," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Ramah Mesra Warga JKKK Daerah Pekan di sini, hari ini.

Najib bagaimanapun berkata, tidak kira apa tindakan seterusnya oleh pembangkang, kuasa penentu tetap dalam tangan rakyat.

"Kalau rakyat tetap dengan pendirian mereka, maka apa yang disaran pembangkang akhirnya tidak akan berjaya.

"Di Batu Talam, jumlah pengundi yang hadir begitu tinggi dan mereka telah hilang wang pertaruhan," katanya.

Pilihan raya kecil DUN Machap bakal diadakan berikutan kematian wakil rakyat kawasan itu, Datuk Wira Poh Ah Tiam, Khamis lalu.

Pengerusi MCA Melaka itu meninggal dunia akibat penyakit kanser dan kegagalan fungsi buah pinggang.

Walaupun memboikot pilihan raya kecil Batu Talam, Pas, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) belum lagi memutuskan sama ada akan meneruskan tindakan yang sama ataupun meletakkan calon di Machap.

Mengulas mengenai persiapan, Najib berkata, Barisan Nasional bersedia sepenuhnya untuk menghadapi pembangkang yang ingin bertanding di Machap.

"Kita sudah banyak pengalaman pilihan raya umum dan kecil, kita tidak akan hadapi masalah gerakan jentera kita," katanya.



NAJIB Tun Razak beramah mesra dengan ketua-ketua kampung daerah Pekan, sempena Majlis Ramah Mesra dan Makan Tengah Hari Warga JKKK Daerah Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah, Pekan, semalam.